

Menteri lepas jawatan sukan tumpu tugas

BH-3/8/2007

MACHANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan anggota Kabinet dilarang menerajui persatuan sukan, bertujuan memastikan mereka memberi perhatian penuh kepada tugas hakiki masing-masing.

Perdana Menteri berkata, ketika ini banyak urusan membabitkan pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan kerja lain yang memerlukan pemantauan dan perhatian menteri.

"Kerja kita kini semakin bertambah, di bawah RMK-9, banyak perlu dipantau dan banyak lagi kerja lain membabitkan peranan menteri. Saya percaya, sebaik-baiknya masing-masing kena memberi perhatian penuh terhadap tugas.

"Saya akan jumpa Menteri Besar dan Ketua Menteri (untuk bincang hal sama) sebelum sebarang keputusan (larangan menerajui persatuan sukan) diambil (pada peringkat negeri)," katanya.

Beliau memberitahu demikian selepas melawat tapak Pusat Pemulihan Akhlak bernilai RM125.5 juta yang dalam pembinaan di pinggir bandar ini, petang semalam.

Hadir sama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin dan Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Annuar Musa.

Perdana Menteri mengulas larangannya kepada semua menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen daripada memegang jawatan dalam persatuan sukan bagi mengelak dibebani terlalu banyak tanggungjawab, berkuat kuasa kelmarin.

Bagaimanapun, ketika mengumumkan arahan Perdana Menteri



PEMBANGUNAN PESAT: Abdullah melihat model pada majlis pecah tanah projek Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra sambil diperhatikan Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, Mustapa dan Annuar di Kota Bharu, semalam.

itu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman, berkata keputusan itu tidak membabitkan Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Abdullah bagaimanapun, tidak menyatakan bila beliau akan menemu semua Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi membincangkan pembabitan mereka dengan persatuan sukan sama ada pada peringkat negeri atau kebangsaan.

Ditanya keputusan itu tanda beliau mahu profesional menerajui persatuan

sukan di negara ini, Perdana Menteri berkata, terserah kepada persatuan terbabit memilih sesiapa termasuk tokoh difikirkan layak.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, beliau menghantar seorang Duta Khas sebagai wakil peribadi ke Sudan bagi berbincang dengan kepimpinan negara itu mengenai pembabitan Malaysia dalam misi keamanan di Darfur.

"Kita akan babitkan diri untuk

membantu ke arah penyelesaian masalah Darfur. Saya sudah berbincang dengan beberapa pemimpin dan menyampaikan kepada Presiden Sudan mengenai rancangan itu.

"Saya sudah lantik seorang duta khas mewakili saya ke Sudan, menerangkan apa yang kita rancang untuk negara itu. Selepas itu, mungkin saya akan menghantar beliau ke negara lain, termasuk PBB, lihat sejauh mana mereka menerima idea dan pandangan kita," katanya.